



## **TEKS UCAPAN**

**TUAN HAJI AZ'HAR BIN SAMSURI  
PENOLONG SETIAUSAHA,  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN MAC  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN  
TAHUN 2024**

**27 MAC 2024 | RABU**

**8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Terima kasih, pengacara majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,  
Salam Selayangku Sayang dan Salam Malaysia MADANI

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**

Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pegawai-pegawai, tuan-tuan dan puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas segala nikmat dan rahmat yang telah dikurniakan kepada kita. Kerana dengan keizinan dan kurnia-Nya, kita diberi peluang dan kesempatan untuk berkumpul bersama pagi ini dalam suasana penuh makna pada Majlis Perhimpunan Bulan Mac Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2024.

2. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Timbalan Yang Dipertua MPS kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan pada pagi ini. Terima kasih juga atas kehadiran semua warga MPS dan diharapkan semoga kita sama-sama memperoleh keberkatan dan rahmat dari Allah SWT sempena bulan Ramadan ini.
3. Untuk makluman semua, perhimpunan bagi bulan Februari 2024 ini diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian Urusetia.
4. Kehadiran tuan-puan sekalian tidak hanya memeriahkan lagi perhimpunan kita tetapi juga menunjukkan semangat kebersamaan dan komitmen yang kuat terhadap organisasi kita. Perhimpunan ini bukan sekadar pertemuan rutin tetapi ia merupakan satu platform yang amat berharga; sebuah medan untuk kita semua, dari pelbagai Jabatan dan latar belakang, untuk berkumpul, berinteraksi dan saling kenal-mengenal.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

5. Seperti semua sedia maklum, Ramadan yang datang kepada kita setahun sekali membawa berbagai-bagai keberkatan dan kerahmatan dari Allah S.W.T. Sewajarnya setiap muslim mengambil kesempatan daripada ketibaan bulan Ramadan Al-Mubarak dengan memperbanyakkan amal-amal soleh sama ada di siang hari atau di malamnya.

6. Begitupun, berpuasa dan beramal ibadah di bulan ini tidak boleh dijadikan sebagai halangan untuk kita lupa tanggungjawab kita sebagai pekerja kerana kerja juga merupakan ibadah dan saya berharap semua kakitangan dapat mengekalkan produktiviti sepanjang bulan Ramadan ini.
7. Penat berpuasa bukan alasan yang baik untuk anda kurang bekerja. Ramadan adalah zon perubahan yang perlu diteliti dan difahami. Puasa sebulan adalah peluang untuk kita menahan diri dari segala kejahatan dan seharusnya menjadi pemangkin individu menjadi lebih baik selepas Ramadan dan seterusnya.
8. Oleh itu saya berharap walaupun kita berada di bulan puasa tetapi perancangan dan sasaran kerja tahunan masih perlu diberikan perhatian. Kini kita telah berada di bulan Mac dan seharusnya segala perancangan kerja telah digerakkan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

## **PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN STOR TERBAIK TAHUN 2023**

9. Sebagai pengetahuan kepada hadirin sekalian, penggunaan stor yang cekap dan efisien merupakan panggilan bagi kewujudan era yang lebih kondusif. Ia menjadi pemangkin

kepada usaha dalam mengelakkan berlaku pembaziran terhadap penggunaan stok dan bekalan.

10. Bagi menggalakkan lagi perkara tersebut, MPS akan mengadakan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Stor Terbaik Pada Tahun 2023. Pemarkahan bagi pertandingan tersebut dilakukan melalui pemverifikasian ke atas stok yang disimpan di stor Majlis Perbandaran Selayang.
11. Dengan sukacitanya, saya ingin memaklumkan bahawa 5 jabatan telah terpilih sebagai pemenang untuk hadiah wang tunai bernilai RM2,000, RM1,500, RM1,000 dan dua saguhati yang bernilai RM500 setiap satu.
12. Diharapkan melalui acara ini ia dapat meningkatkan lagi motivasi kepada setiap jabatan, bahagian dan unit di Majlis Perbandaran Selayang untuk sentiasa memastikan keadaan stor dalam keadaan yang terbaik di masa akan datang.

### **SUMBANGAN AIDILFITRI OLEH KSDK & ANULAE MPS**

13. Alhamdulillah, dengan rasa syukur yang tidak terhingga, kita bersama-sama menyambut bulan Ramadan yang penuh berkah ini dengan hati yang bersih dan semangat yang baru.

14. Sebagai salah satu inisiatif untuk menambah keceriaan dan semarak sambutan Aidilfitri tahun ini, pihak KSDK bersama dengan Anulae MPS telah bersepakat untuk melaksanakan program sumbangan dan bantuan kepada staf-staf yang memerlukan.
15. Dengan hati yang penuh dengan keikhlasan dan semangat kebersamaan, pihak KSDK dan Anulae MPS telah memilih seramai 15 orang staf untuk menerima sumbangan khas ini. Sumbangan yang akan diberikan terdiri daripada wang tunai sebanyak RM 100.00 untuk setiap individu, ditambah dengan barangan keperluan harian yang bernilai RM 150.00.
16. Saya percaya, sumbangan ini dapat membawa seribu makna dan membantu meringankan beban para penerima sepanjang bulan suci Ramadan ini dan sambutan Syawal yang mulia akan datang.
17. Lebih istimewa lagi, KSDK juga telah mengambil inisiatif untuk menyampaikan sumbangan Ramadan dan Syawal kepada semua staf MPS pada hari ini. Sumbangan ini adalah ungkapan kasih sayang dan penghargaan kepada setiap individu yang telah bekerja keras dan berdedikasi dalam melaksanakan tugas masing-masing sepanjang tahun.

18. Saya berharap sumbangan ini dapat sedikit sebanyak menceriakan bulan Ramadan dan Syawal yang akan tiba tidak lama lagi serta menjadi pengingat akan pentingnya berbagi kebahagiaan dan kebersamaan di antara kita semua.
19. Semoga usaha dan sumbangan yang kita lakukan bersama ini menjadi asbab keberkatan dan kebahagiaan bagi kita semua serta menjadi amal jariah yang terus mengalir pahalanya. Marilah kita bersama-sama menyambut bulan Ramadan dan Aidilfitri tahun ini dengan hati yang bersih, jiwa yang tenang dan semangat yang membara untuk berbuat kebaikan.

**YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

### **LAWATAN AUDIT EKSA**

20. Saya juga dimaklumkan, YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri akan turun padang dan mengadakan lawatan secara **mengejut** untuk memantau pelaksanaan EKSA di agensi di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa.
21. Oleh itu, saya harap semua kakitangan bersedia dan kerjasama semua zon EKSA untuk mengambil maklum dalam memastikan amalan EKSA sentiasa diamalkan di zon masing-masing.

## **PERTUKARAN TUAN PMgr Sr ASRAF COB**

22. Disini juga saya ingin maklumkan bahawa Tuan PMgr Sr Mohd Asraf bin Mat Yajid, Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan bertukar ke Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, Negeri Melaka mulai 1 April 2024 setelah 5 tahun 9 bulan berkhidmat di MPS.
  
23. Selamat maju jaya diucapkan kepada Tuan PMgr Sr Asraf di tempat baharu dan semoga segala pengalaman yang ditimba di MPS dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. MPS juga merakamkan jutaan terima kasih di atas segala jasa, komitmen dan dedikasi Tuan PMgr Sr Asraf dalam menjalankan amanah sepanjang berkhidmat di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPS.

## **PENUTUP**

24. Akhir kalam, sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua. Semoga kita dapat menjalani ibadah puasa ini dengan penuh azam bagi mendapat keredhaan Allah S.W.T.. Semoga berkat berpuasa yang dilalui sepanjang Ramadan ini juga akan menjadikan kita umat yang lebih baik.



Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassala mualaikum  
warrahmatullahi wabarakatuh....

Sekian, terima kasih.